

# TUDM Raptors, UMS muncul juara

## ► Kejohanan Hoki

### 9 Sebelah Terbuka Labuan Piala Datuk Rozman Isli 2017

US 30.3.2017 A13

**LABUAN:** Pasukan TUDM Raptors dan Universiti Malaysia Sabah (UMS), Kota Kinabalu masing-masing muncul juara kategori lelaki dan wanita di Kejohanan Hoki 9 Sebelah Terbuka Labuan Piala Datuk Rozman Isli 2017.

Kehadiran Komander Pangkalan Udara Labuan, Brigadier Jeneral Zulkifli Hamid, turut menyuntik semangat anak buahnya untuk merangkul kejuaraan selepas mengecewakan Royal Brunei Hockey Club 3-2 menerusi pukulan penalti.

Dengan kemenangan itu, TUDM Raptors membawa

“Kehadiran Komander Pangkalan Udara Labuan, Brigadier Jeneral Zulkifli Hamid, turut menyuntik semangat anak buahnya untuk merangkul kejuaraan selepas mengecewakan Royal Brunei Hockey Club 3-2 menerusi pukulan penalti.”

pulang hadiah wang tunai RM1,000, piala, medal dan sijil penyertaan.

Selaku naib juara, Royal Brunei menerima RM500, medal dan sijil.

Tempat ketiga disandang Kelab Hoki Labuan B selepas mengalahkan Persatuan Hoki Kota Kinabalu 3-1.

Kelab Hoki Labuan menerima RM300, sijil dan medal manakala Persatuan Hoki KK menerima sijil dan medal.

Sementara itu, jaringan tunggal 1-0 sudah cukup buat pasukan UMS Kota Kinabalu merangkul kejuaraan bagi kategori wanita, mengatasi pasukan Kota Belud Junior Team.

Tempat ketiga diraih pasukan Sekolah Menengah Sains Lahad Datu manakala keempat Idhock Wonder.

Pemain TUDM Raptors, Tusnin muncul penjaring terbanyak dengan enam jaringan manakala Noor Hidayah Limpu dari Kota Belud Junior Team merangkul anugerah yang sama selepas menjaringkan tiga gol.

Anugerah pemain termuda dimenangi pemain Idhock Wonder Labuan, Nur Shafiera Adreana, 11 tahun manakala pemain veteran diberikan kepada pemain KHL A, Zakaria Omar yang berumur 65 tahun.

Pasukan lelaki SM Sains Lahad Datu turut pulang



**BRIGADIER** Jeneral Zulkifli Hamid menjulang Piala Rebutan selepas anak buahnya muncul juara Hoki Piala Datuk Rozman Isli 2017. Turut kelihatan Rozman (empat kanan), Yunus (tiga kanan), Hazan (dua kanan) dan Ahmad Asmawi (tiga kiri).



**ANUGERAH** pemain termuda dimenangi pemain Idhock Wonder, Nur Shafiera Adreana, 11 tahun.

ceria selepas dianugerahkan Pasukan Terbaik 'Fairplay'.

Semua hadiah disampaikan oleh Ahli Parlimen Labuan, Datuk Rozman Isli di Padang LDA, Ahad lalu.

Turut hadir Ahli Dewan Negara, Senator Datuk Yunus Kurus, Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Labuan, Hazan Dahari dan Presiden Kelab Hoki Labuan, Ahmad Asmawi Zakaria.

Sementara itu, Ahmad Asmawi mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi Dewan Usahawan Melayu Labuan (DUML), Dato' Sri Mohd Alias Abd Rahman dan isteri, Datin Sri Dato' Norsiah Abdullah serta Rozman yang telah memberikan sumbangan kewangan kepada penganjur kejohanan tersebut yang julung-julung kalinya diadakan di Wilayah Persekutuan Labuan.

Beliau tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada 12 pasukan lelaki dan enam pasukan wanita yang sudi menyertai kejohanan itu



**ROZMAN** (empat kanan) menyampaikan hadiah juara wanita kepada pasukan Universiti Malaysia Sabah (UMS), Kota Kinabalu.



**KOTA** Belud Junior Team naib johan kategori wanita.



**PEMAIN** KHL A, Zakaria Omar yang berumur 65 tahun menerima anugerah pemain veteran.



(Gambar atas) **PEMAIN** TUDM Raptors, Tusnin muncul penjaring terbanyak kategori lelaki.

(Gambar bawah) **PENJARING** terbanyak wanita dimenangi pemain Kota Belud Junior Team, Noor Hidayah Limpu.

**PASUKAN** yang menyertai Kejohanan Hoki 9 Sebelah Terbuka Labuan Piala Datuk Rozman Isli 2017.

